

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Universiti Islam Selangor (UIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2025, Vol 8, Bil 1, Halaman 1-18

Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran Berdasarkan *Dabṭ Al-Quran*: Satu Tinjauan Dalam Kalangan Guru Agama

The Level Of Quranic Reading Proficiency Based On *Dabṭ Al-Quran*: A Survey Among Religious Teachers

Mohd Hazwan Nor Hashim ^{1*}, Abd Rahman Abd Ghani²

¹ Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak.

² Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak.

* Corresponding Author: Mohd Hazwan Nor Hashim, Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, hazwan_hashim@kuijsi.edu.my, +60137965625, ORCID iD.

Artikel dihantar: 10 Februari 2025

Artikel diterima: 22 April 2025

Artikel diterbitkan: 30 Jun 2025

ABSTRACT

Reading the Quran with proper tajwid is an obligation and its ruling is farḍu 'ain. This is as stated in Surah al-Muzammil, verse 4, which means "or increase a little from it, and recite the Quran in slow, measured tones." Therefore, to achieve a good level of recitation, the role of correct tajwid in the Quran is very important for each individual because without it, the Quran will be very difficult to read, especially among those who are not of Arab descent. To understand the tajwid of the Quran properly, the role of the teacher is essential to impart this knowledge. However, if there is a weakness in this skill, it will disrupt the teaching and learning process. Therefore, a survey was conducted to identify the level of mastery of Quranic recitation among religious teachers based on tajwid. The research conducted was descriptive (quantitative) in nature, using a questionnaire as a research instrument. A total of 230 respondents were involved in this research. The data obtained were analyzed using IBM Statistics SPSS V.27 software to determine frequency, percentage, and mean. Overall, the results of the study found that the level of mastery of Quranic recitation among religious teachers in Johor based on tajwid is high, with an average mean of 1.87. In conclusion, the level of teachers' skills in tajwid is at a good level. However, teachers must always be ready with various skills, particularly in the knowledge of the Quran, so that emerging issues can be handled effectively.

Keywords

*Quranic Reading Proficiency; Religious Teachers; *Dabṭ Al-Quran**

ABSTRAK

Pembacaan al-Quran dengan bertajwid adalah merupakan satu tuntutan dan hukumnya adalah fardhu 'ayn, ini juga adalah sebagaimana yang telah dinyatakan melalui *ṣūrah al-Muzammil* ayat yang keempat yang bermaksud “*ataupun lebihkan sedikit daripadanya dan bacalah al-Quran dengan tartil*”. Justeru bagi mencapai tahap bacaan yang baik, peranan *ḍabṭ* al-Quran adalah sangat penting bagi setiap individu kerana tanpanya al-Quran akan menjadi amat sukar untuk dibaca khususnya dalam kalangan mereka yang bukan berbangsa Arab. Bagi mengenalpasti setiap *ḍabṭ* al-Quran dengan baik, peranan guru adalah perlu untuk menyampaikan ilmu *ḍabṭ* al-Quran ini. Namun sekiranya wujud kelemahan dalam kemahiran ini ianya akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran terganggu. Justeru satu tinjauan diadakan bagi mengenalpasti tahap penguasaan pembacaan al-Quran dalam kalangan guru agama berdasarkan *ḍabṭ* al-Quran. Penyelidikan yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan (kuantitatif) secara deskriptif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen penyelidikan. Sementara itu seramai 230 orang telah dijadikan sebagai responden dalam penyelidikan ini. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian IBM *Statistics SPSS V.27* bagi mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Secara keseluruhan, hasil penyelidikan mendapati tahap penguasaan bacaan al-Quran guru-guru agama daerah Johor Bahru berdasarkan *ḍabṭ* al-Quran adalah tinggi dengan purata min adalah 1.87. Sebagai kesimpulannya, tahap kemahiran guru-guru terhadap ilmu *ḍabṭ* al-Quran ini berada dalam tahap yang baik. Walaupun begitu, guru-guru hendaklah sentiasa bersedia dengan pelbagai kemahiran ilmu khususnya berkaitan dengan ilmu al-Quran agar isu-isu yang mendatang mampu ditangani dengan baik.

Kata kunci

Tahap Penguasaan; Bacaan Al-Quran; *Ḍabṭ* Al-Quran

How to Cite: Hashim, H., & Abd Ghani, A. R. . (2025). Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran Berdasarkan *Ḍabṭ* Al-Quran : Satu Tinjauan Dalam Kalangan Guru Agama: The Level Of Quranic Reading Proficiency Based On *Ḍabṭ* Al-Quran: A Survey Among Religious Teachers. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 8(1), 1–18. Hashim, H., & Abd Ghani, A. R. . (2025). Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran Berdasarkan *Ḍabṭ* Al-Quran : Satu Tinjauan Dalam Kalangan Guru Agama: The Level Of Quranic Reading Proficiency Based On *Ḍabṭ* Al-Quran: A Survey Among Religious Teachers. *QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari*, 8(1), 1–18.

DOI: <https://doi.org/10.53840/qiraat.v8i1.89>

1.0 PENDAHULUAN

Berdasarkan pelbagai sumber, terdapat banyak kajian ilmiah yang telah dijalankan untuk meneroka aspek penguasaan bacaan al-Quran. Walaupun objektif setiap kajian berbeza, kesemua kajian ini mempunyai matlamat yang sama iaitu berkaitan dengan penguasaan bacaan al-Quran. Beberapa objektif kajian yang boleh dibincangkan di sini menggambarkan kedalaman serta kepelbagaian dalam bidang penyelidikan ini. Objektif pertama melibatkan penilaian terhadap bentuk kesalahan dalam membaca al-Quran. Kajian ini memberi tumpuan kepada mengenal pasti dan menganalisis kesalahan biasa yang berlaku semasa pembacaan al-Quran, serta memberikan cadangan bagi menambahbaiknya. Objektif kedua pula berkaitan dengan penguasaan bacaan hukum *Nūn Al-Sākinah* yang menilai sejauh mana individu menguasai kaedah bacaan berkaitan huruf *nūn al-sākinah* termasuk teknik membaca dan penerapan kaedah ini secara tepat. Penyelidikan dalam bidang ini memberikan sumbangan penting kepada pemahaman tentang cara-cara mempelajari dan menguasai bacaan al-Quran dengan lebih berkesan.

2.0 ḌABṬ AL-QURAN DAN PERANANNYA

Setiap huruf dalam al-Quran diletakkan dengan *nuqat al-I'rāb*. *Nuqat al-I'rāb* ini memainkan peranan yang besar kerana *nuqat al-I'rāb* ini yang menentukan setiap bunyi pada setiap huruf-huruf yang terdapat dalam *muṣḥaf*. Jika



tiada *nuqat al- 'I'rāb* ini kebarangkalian mereka yang hendak membaca al-Quran akan mengalami masalah khususnya mereka yang bukan berbangsa Arab termasuk umat Islam yang di Malaysia yang mana kebanyakannya adalah dari kalangan kaum Melayu. Perkara ini berbeza dengan zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat yang mana pada ketika itu ayat-ayat al-Quran tidak memiliki tanda dan baris. Walaupun begitu, umat Islam pada ketika itu boleh membaca al-Quran dengan sangat baik kerana mereka boleh bertalqī secara terus dengan Rasulullah s.a.w. dan juga dengan para sahabat. Pada masa yang sama mereka juga tiada masalah dalam bahasa Arab dan sangat menguasainya (Ali Muhammad Al-Dabba', 1999).

Nuqat al- 'I'rāb yang terdapat pada cetakan *muṣḥaf* yang lama mempunyai perbezaan pada cetakan *muṣḥaf* yang terkini. Perbezaan ini menunjukkan kepada usaha para ulama untuk memudahkan umat Islam khususnya yang bukan berbangsa Arab supaya mereka mampu membaca al-Quran dengan baik.

Al-Nuqat terbahagi kepada dua bahagian iaitu *nuqat i'rāb* dan *nuqat i'jām*. Tumpuan utama dalam penulisan ini adalah berkaitan *nuqat i'rāb*. *Nuqat i'rāb* ini menjadi perselisihan siapakah yang meletakkan dahulu *nuqat*. Ada pandangan mengatakan yang meletakkan *nuqat* ini adalah *al-Khālīl bin Ahmad*, ada yang mengatakan *Naṣr bin 'Aṣim* dan *Yahya bin Yu'mar*, ada yang mengatakan *Abī Ishāq al-Haḍramī*. Pandangan yang paling *ṣahīh* di kalangan ulama seperti *al-Dānī*, *Abū Daud* dan *Abū Hātim*, mereka mengatakan bahawa orang pertama yang meletakkan *nuqat* adalah *Abū al-Aswad al-Du'ali* (Mohd Rahim Jusoh et al, 2018).

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif atau penekanan yang ditumpukan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Menenalpasti tahap kesedaran kepentingan ilmu *ḍabṭ* al-Quran terhadap guru-guru agama daerah Johor Bahru.
- ii. Menenalpasti tahap penguasaan bacaan al-Quran guru-guru agama daerah Johor Bahru berdasarkan *ḍabṭ* al-Quran.

4.0 METODOLOGI

Menurut Chua, Yan Piaw (2006), metodologi kajian merupakan kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti yang boleh menyokong sesuatu kajian. Metodologi menerangkan cara sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu kaedah dan teknik tertentu digunakan. Dalam bahagian metodologi kajian ini, penyelidik akan menerangkan proses penyelidikan itu dijalankan bermula penerangan berkenaan reka bentuk kajian sehingga penerangan berkenaan penganalisisan data. Proses penganalisisan data ini mula dijalankan pada tahun 2023 setelah keseluruhan jawapan responden berjaya dikumpulkan.

4.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang menumpukan kepada pengumpulan dan analisis data berbentuk numerik secara sistematik dan objektif. Kajian ini berbentuk tinjauan deskriptif dan menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama untuk mengumpul data daripada populasi yang dipilih secara sistematik. Pendekatan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti pola, kecenderungan serta hubungan antara pembolehubah kajian. Reka bentuk ini dipilih berdasarkan kesesuaian dengan tujuan kajian iaitu menilai tahap penguasaan bacaan al-Quran berdasarkan *ḍabṭ* al-Quran dalam kalangan guru agama di Negeri Johor khususnya dari aspek ilmu *ḍabṭ* al-Quran. Menurut Piaw (2011), kajian tinjauan ialah kajian bukan eksperimen yang menggunakan soal selidik sebagai alat utama dan sesuai untuk memperoleh maklumat daripada populasi besar dalam masa singkat. Pandangan Marican (2006) dan Mohd Najib Abdul Ghafar (1999) turut menyokong bahawa reka bentuk kajian berperanan sebagai pelan tindakan penyelidik dalam memperoleh maklumat yang sah dan boleh dipercayai. Instrumen soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada dua bentuk iaitu soal selidik bertulis dan soal selidik temu bual berbentuk



rakaman bacaan al-Quran. Instrumen ini direka untuk mengukur dua aspek penting iaitu tahap kesedaran tentang kepentingan ilmu tersebut dan tahap penguasaan bacaan al-Quran. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS versi 27.0 melalui kaedah statistik deskriptif. Pemilihan reka bentuk ini membolehkan penyelidik menjalankan kajian secara teratur dan menyeluruh serta menghasilkan dapatan yang sah, boleh dipercayai dan digeneralisasi kepada populasi yang lebih luas.

4.2 Lokasi Kajian

Lokasi penyelidikan ialah di sekolah-sekolah agama di sekitar daerah Johor Bahru. Pemilihan daerah Johor Bahru sebagai tempat penyelidikan kerana Johor Bahru merupakan bandar utama bagi Negeri Johor. Pusat pemerintahan Negeri Johor yang terkini juga berada di Johor Bahru iaitu di Iskandar Puteri. Sebagai bandar utama dan menjadi tumpuan pengunjung, banyak kemudahan yang disediakan dan mudah diakses. Begitu juga kemudahan untuk mendapat dan menambah ilmu pengetahuan khususnya ilmu al-Quran. Banyak pusat pengajian al-Quran di sediakan di Johor Bahru ini sama ada milik Jabatan Agama Islam Negeri Johor atau milik persendirian. Tambahan lagi, satu-satunya institut pengajian tinggi Islam milik penuh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) berada di Johor Bahru yang mana antara tenaga pengajarnya berpengalaman lama dalam bidang al-Quran.

Pemilihan daerah Johor Bahru untuk penyelidikan ini adalah berdasarkan pertimbangan rasional dan keperluan untuk meneruskan dan mengembangkan kajian lepas yang dijalankan oleh Rafedah Mohd Said (2014). Beberapa perkara yang relevan daripada penyelidikan yang mungkin telah mempengaruhi pemilihan daerah Johor Bahru dan responden yang pertama adalah tahap penguasaan *dabt* al-Quran. Kajian terdahulu oleh Rafedah Mohd Said (2014) memfokuskan kepada tahap penguasaan *dhobt* (penandaan) al-Quran oleh guru pelatih Diploma Pendidikan Islam di daerah Johor Bahru. Hasil penyelidikan menunjukkan tahap penguasaan responden berada pada tahap yang sederhana. Kedua adalah penjawatan guru sekolah agama, jawatan guru di Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor lazimnya diisi oleh graduan dalam kalangan responden penyelidikan lepas. Maklumat ini boleh menjadi faktor penting dalam merangka penyelidikan lanjutan untuk melibatkan guru agama yang mempunyai jawatan tetap dalam Kerajaan Negeri Johor. Ketiga pula adalah susulan dan pengembangan penyelidikan. Sebagai penyelidikan susulan, penyelidik ini bertujuan untuk meneruskan penyelidikan bagi meninjau lebih lanjut penguasaan membaca al-Quran khususnya dalam kalangan guru agama yang mempunyai jawatan tetap dalam Kerajaan Negeri Johor. Ini mencerminkan percubaan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam dan lebih menyeluruh tentang isu ini.

Pemilihan Johor Bahru sebagai lokasi penyiasatan ini selari dengan penyelidikan-penyelidikan lepas, membolehkan perbandingan hasil dan mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan guru agama. Langkah ini juga mencerminkan hasrat untuk menyumbang kepada kefahaman dan penambahbaikan dalam bidang bacaan al-Quran dalam konteks pendidikan Islam di Johor Bahru.

4.3 Populasi Dan Sampel Kajian

Menurut Wallace, D. L., Van Fleet, dan CJ (2012), definisi populasi merujuk kepada semua kes atau subjek yang menjadi tumpuan penyelidikan dan menjadi kajian. Perspektif lain daripada Noraini Idris (2013) menyatakan populasi boleh ditakrifkan sebagai koleksi yang menarik perhatian penyelidik, membolehkan penyelidik membuat generalisasi melalui dapatan yang diperolehi. Dalam konteks ini, Fauziah Ibrahim et al. (2019) menjelaskan bahawa populasi boleh ditakrifkan sebagai individu atau kumpulan tertentu yang akan terlibat dalam menjalankan penyelidikan. Dalam erti kata lain, populasi ialah entiti yang menjadi tumpuan perhatian penyelidikan dan merupakan sumber data yang relevan untuk tujuan analisis dan generalisasi.

Menurut Nur Fadilah Amin et al. (2023), populasi dapat dimaksudkan sebagai keseluruhan elemen dalam penyelidikan merangkumi objek dan subjek dengan ciri-ciri dan kriteria tertentu. Justeru pada dasarnya, populasi adalah semua kumpulan manusia, haiwan, peristiwa atau benda yang tinggal bersama dalam suatu tempat secara



terancang menjadi sasaran kesimpulan dari hasil akhir suatu penyelidikan. Manakala sampel pula bermaksud sebagai sebahagian dari populasi yang menjadi sumber maklumat yang sebenarnya dalam sesuatu penyelidikan. Dengan kata lain, sampel adalah sebahagian dari populasi untuk mewakili seluruh populasi.

Dalam skop populasi guru agama daerah Johor Bahru, penyelidikan ini menumpukan perhatian terutamanya kepada tiga kategori utama iaitu guru agama DG29, guru Kafa, dan guru Tadika Agama Johor (TAJ). Dalam konteks ini, penyelidik memilih untuk memberi penekanan khusus kepada guru agama kategori DG29 sebagai populasi utama. Sebab pemilihan ini adalah kerana tahap pendidikan minimum kategori ini adalah diploma, manakala guru Kafa dan guru Tadika Agama Johor mempunyai tahap pendidikan minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dalam penyelidikan ini, sampel dipilih daripada populasi guru agama DG29. Pemilihan ini membolehkan penyelidik lebih memfokuskan kepada kumpulan yang mempunyai latar belakang pendidikan tinggi. Penggunaan rajah Robert V. Krejcie et al. (1970) digunakan sebagai alat untuk menentukan bilangan sampel yang diperlukan dalam penyelidikan ini. Dengan merujuk populasi seramai 563 orang yang telah diberi pengesahan oleh Pembantu Pegawai Pendidikan Islam Daerah Johor Bahru pada 4 Ogos 2022 (rujuk lampiran), bilangan sampel yang diperlukan dalam penyelidikan ini adalah seramai 226 orang atau dengan had maksimum 233 orang. Dengan pendekatan ini, penyelidikan ini diharapkan dapat memberikan hasil yang signifikan terhadap populasi guru agama DG29 di Kerajaan Negeri Johor untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang aspek-aspek tertentu yang menjadi fokus penyelidikan.

4.4 Penentuan Saiz Sampel Kajian

Penentuan saiz sampel yang sesuai bagi sesuatu populasi kajian adalah perkara yang sering timbul dalam sesuatu penyelidikan. Persampelan adalah perkara yang berkaitan dengan proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu jumlah populasi untuk dijadikan sebagai responden dalam sesuatu penyelidikan (Chua Yan Piaw, 2011). Perancangan bagi menentukan persampelan adalah diperlukan untuk mengurangkan ralat pengukuran, penjimatan masa dan kos perbelanjaan dalam menjalankan sesuatu penyelidikan.

Menentukan saiz sampel yang sesuai untuk populasi dalam penyelidikan adalah aspek yang penting. Persampelan atau proses memilih beberapa subjek daripada populasi untuk dijadikan responden dalam penyelidikan mempunyai peranan penting dalam kejayaan sesuatu penyelidikan (Chua Yan Piaw, 2011). Perancangan persampelan diperlukan untuk mengurangkan ralat pengukuran, menjimatkan masa dan mengurangkan kos dalam menjalankan penyelidikan. Menentukan saiz sampel yang sesuai melibatkan mempertimbangkan beberapa faktor termasuk tahap keyakinan, margin ralat dan variasi dalam populasi. Dalam banyak kes, penyelidik menggunakan formula statistik seperti formula yang dibangunkan oleh Robert V. Krejcie dan Daryle W. Morgan (1970) untuk menentukan saiz sampel yang mencukupi berdasarkan saiz populasi dan tahap ketepatan yang dikehendaki. Dengan melaksanakan perancangan persampelan yang baik, penyelidik boleh meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan penemuan mereka serta mengoptimumkan penggunaan sumber yang ada. Ini membantu dalam menghasilkan hasil penyelidikan yang boleh dipercayai dan mewakili populasi dengan cara yang terbaik.

Dalam penyelidikan ini, penyelidik memilih untuk menggunakan gambar rajah penentuan saiz sampel yang dibangunkan oleh Robert V. Krejcie et al. (1970) sebagai panduan utama. Rajah ini memberikan hala tuju yang jelas dalam menentukan saiz sampel yang sesuai untuk sesuatu kajian yang akan dijalankan. Perlu diingat bahawa penentuan saiz sampel dalam kajian ini adalah berdasarkan saiz populasi kajian. Merujuk kepada gambarajah penentuan saiz sampel yang disediakan oleh Robert V. Krejcie et al. (1970) seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1.3, boleh diambil sebagai contoh sekiranya populasi kajian yang diperolehi daripada statistik terkini dan sumber yang tepat ialah 3,000 orang maka saiz sampel yang diperlukan untuk penyelidikan ialah 341 orang. Sebaliknya jika populasi kajian ialah 380 orang maka saiz sampel yang diperlukan untuk kajian ialah 191 orang. Dengan pendekatan ini, penyelidik boleh mengira saiz sampel yang diwakili dan mencukupi untuk mencapai tahap keyakinan dan kadar ralat yang dikehendaki dalam penyelidikan mereka. Rajah penentuan saiz sampel ini menyediakan garis panduan yang sistematik dan berasaskan statistik untuk menyokong kesahan dan generalisasi hasil penyelidikan.



<i>P</i>	<i>S</i>	<i>P</i>	<i>S</i>	<i>P</i>	<i>S</i>	<i>P</i>	<i>S</i>	<i>P</i>	<i>S</i>	<i>P</i>	<i>S</i>
10	10	85	70	220	140	440	205	1200	291	4000	351
15	14	90	73	230	144	460	210	1300	297	4500	354
20	19	95	76	240	148	480	214	1400	302	5000	357
25	24	100	80	250	152	500	217	1500	306	6000	361
30	28	110	86	260	155	550	226	1600	310	7000	364
35	32	120	92	270	159	600	234	1700	313	8000	367
40	36	130	97	280	162	650	242	1800	317	9000	368
45	40	140	103	290	165	700	248	1900	320	10000	370
50	44	150	108	300	169	750	254	2000	322	15000	375
55	48	160	113	320	175	800	260	2200	327	20000	377
60	52	170	118	340	181	850	265	2400	331	30000	379
65	56	180	123	360	186	900	269	2600	335	40000	380
70	59	190	127	380	191	950	274	2800	338	50000	381
75	63	200	132	400	196	1000	278	3000	341	75000	382
80	66	210	136	420	201	1100	285	3500	346	1000000	384

Rajah 4.0 Rajah saiz sampel yang disediakan oleh Robert V. Krejcie et al. (1970)

Dalam konteks penyelidikan ini, penyelidik telah memilih guru agama daerah Johor Bahru (DG29) sebagai responden utama. Populasi kajian ini terdiri daripada 563 orang guru agama DG29. Untuk memastikan perwakilan yang mencukupi dan statistik yang boleh dipercayai, penyelidik telah menetapkan saiz sampel yang diperlukan pada 226 orang atau dengan had maksimum 233 orang. Penentuan saiz sampel ini mungkin berdasarkan pertimbangan tertentu, seperti tahap keyakinan, kadar ralat atau faktor statistik lain. Dengan menggunakan saiz sampel yang mencukupi, diharapkan penyelidikan ini dapat memberikan hasil yang boleh dipercayai dan menggambarkan pandangan atau keadaan guru agama DG29 di daerah Johor Bahru secara lebih umum. Oleh itu, hasil penyelidikan boleh memberi sumbangan yang besar kepada pemahaman dan pembangunan dalam konteks ini.

4.5 Instrumen Kajian

Penggunaan instrumen kajian berbentuk soal selidik merupakan pendekatan yang biasa digunakan dalam penyelidikan dan dalam penyelidikan ini, terdapat dua bentuk soal selidik yang telah dibangunkan oleh penyelidik iaitu soalan selidik bertulis dan soal selidik lisan. Soal selidik bertulis terdiri daripada dua bahagian utama iaitu Bahagian A, dan Bahagian B. Setiap bahagian direka bentuk untuk mengumpulkan maklumat yang berbeza atau untuk menyiasat aspek tertentu subjek penyelidikan. Memilih format bertulis membenarkan responden memberikan jawapan yang terperinci dan komprehensif. Soal selidik lisan terdiri daripada satu bahagian iaitu Bahagian C. Tumpuan lebih kepada aspek lisan dan mungkin termasuk soalan yang melibatkan rakaman bacaan al-Quran untuk mendapatkan data. Penggunaan kedua-dua bentuk soal selidik ini memberikan kebebasan dan fleksibiliti dalam mengumpul data dengan soal selidik bertulis cenderung untuk menghasilkan data kuantitatif manakala soal selidik lisan boleh memberikan pandangan yang lebih mendalam. Proses semakan dan pengesahan daripada pakar bidang yang boleh dipercayai iaitu Prof. Madya Dr. A' Tarahim bin Mohd Razali dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Rosli bin Bahari dari Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), menunjukkan usaha penyelidik untuk memastikan instrumen kajian mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang mencukupi. Semakan dan pengesahan ini menyokong kredibiliti dan kebolehpercayaan data yang akan dikumpul dalam penyelidikan ini.

Penjelasan tentang struktur Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C dalam soal selidik bertulis memberikan pemahaman yang jelas tentang cara instrumen ini direka bentuk untuk mengumpul data. Terdapat beberapa elemen utama dalam setiap bahagian soal selidik. Bahagian A adalah soalan berkaitan demografik. Responden diminta untuk

menjawab 5 soalan berkaitan latar belakang iaitu maklumat seperti umur, jantina, tahap pendidikan, bidang pengajian dan pengalaman mengajar. Bahagian B adalah soal selidik berkaitan tahap kesedaran kepentingan *dabṭ* al-Quran. Responden diminta untuk menjawab 6 soalan berkaitan tahap kesedaran kepentingan *dabṭ* al-Quran. Bahagian C adalah soal selidik lisan berkaitan tahap penguasaan bacaan al-Quran berdasarkan *dabṭ* al-Quran. Responden diminta membaca 6 petikan ayat al-Quran yang telah disediakan. Jawapan Bahagian B boleh diberikan dengan menandakan pada skala Likert lima peringkat dan ini mencerminkan sikap responden terhadap kesedaran kepentingan ilmu *dabṭ* al-Quran. Penekanan terhadap penggunaan Skala Likert dalam Bahagian B membolehkan penyelidik mengukur sikap responden secara kuantitatif. Pemilihan Skala Likert lima peringkat menyediakan julat variasi yang mencukupi untuk mendapatkan tahap kesedaran tentang kepentingan ilmu *dabṭ* al-Quran dari perspektif responden. Kenyataan Mok Soon Sang (2010) berkenaan tujuan penggunaan soal selidik juga diperkukuhkan di mana soal selidik digunakan untuk mengumpul fakta yang boleh digunakan untuk menguji hipotesis, meningkatkan kebolehpercayaan dan mengurangkan kesilapan dalam teori yang diuji. Ini menunjukkan bahawa instrumen tersebut direka bentuk untuk menyediakan data yang relevan dan boleh dipercayai untuk mencapai objektif penyelidikan.

Menurut Rozmi Ismail (2022), jenis dan bentuk penyelidikan terbahagi kepada dua iaitu soalan jenis tertutup dan soalan jenis terbuka. Dalam soalan jenis tertutup terbahagi kepada dua pula iaitu soalan jenis binari dan soalan jenis likert. Soalan jenis binari dalam penyelidikan merujuk kepada soalan yang mempunyai hanya dua pilihan jawapan sahaja. Pilihan jawapan tersebut lazimnya adalah "ya" atau "tidak", "benar" atau "salah" atau dua pilihan yang bersifat berbeza. Contohnya "Adakah anda setuju dengan pernyataan ini?" di mana jawapan boleh menjadi "ya" atau "tidak". Soalan jenis binari biasanya digunakan untuk mendapatkan maklumat yang spesifik dan mudah diukur. Kelebihannya termasuk kemudahan dalam menganalisis dan mentafsir data tetapi kelemahannya ialah ia mungkin tidak meliputi kesukaran situasi. Oleh itu, pemilihan soalan jenis binari bergantung kepada objektif penyelidikan dan apa yang ingin diketahui. Skala Likert dalam penyelidikan pula merujuk kepada satu bentuk alat pengukuran sikap atau pendapat responden. Skala ini dinamakan sempena Rensis Likert iaitu seorang ahli sosiologi Amerika yang memperkenalkannya pada tahun 1932 (Rensis Likert, 1932). Skala Likert memberikan responden pelbagai pilihan jawapan dan biasanya disusun dalam bentuk pernyataan atau kenyataan yang berkaitan dengan topik penyelidikan. Responden kemudian diminta untuk menilai sejauh mana mereka bersetuju atau tidak bersetuju dengan setiap pernyataan tersebut. Skala Likert biasanya terdiri daripada lima atau lebih pilihan jawapan seperti "Sangat Setuju", "Setuju", "Neutral", "Tidak Setuju" dan "Sangat Tidak Setuju". Kelebihan skala Likert termasuk kemampuannya untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan mengukur tahap keyakinan atau pandangan dengan lebih luas. Skala ini juga membolehkan analisis statistik yang lebih kompleks. Skala Likert sering digunakan dalam kajian pendapat, penilaian kepuasan dan penelitian sosial lainnya.

Dalam rangkaian penyelidikan ini, penyelidik memanfaatkan soalan jenis tertutup yang merangkumi soalan jenis binari dan soalan jenis likert. Bahagian B dari soal selidik ini dirancang dengan menggunakan soalan jenis likert. Dalam bahagian ini, responden diberikan peluang untuk memberikan pandangan mereka dengan menggunakan lima peringkat pilihan jawapan, iaitu Sangat Setuju (SS), Setuju (S), Tidak Pasti (TP), Tidak Setuju (TS) dan Sangat Tidak Setuju (STS). Enam ayat penyata ditunjukkan dalam Bahagian B yang dirancang untuk menilai pandangan responden mengenai tahap kesedaran mereka dalam ilmu *dabṭ* al-Quran. Sementara itu, dalam penyelidikan lisan penyelidik juga menggunakan soalan jenis binari selari dengan pendekatan yang diterapkan dalam Bahagian B. Pendekatan ini memastikan konsistensi dalam pengumpulan data, memungkinkan penyelidik untuk mendapatkan gambaran yang komprehensif dan bersifat holistik terhadap pandangan responden terhadap isu yang dikaji.

4.6 Kajian Rintis

Kajian rintis memainkan peranan penting dalam penyelidikan dengan pelbagai tujuan utama. Menurut Chua Yan Piaw (2011), tujuan pertama adalah untuk menilai kebolehlaksanaan kajian dengan mengenal pasti kelemahan atau masalah dalam reka bentuk sebelum kajian sebenar dijalankan. Kedua, kajian rintis menilai kesesuaian borang soal selidik melalui percubaan pengisian oleh responden dalam situasi sebenar. Ketiga, ia menentukan kebolehpercayaan dan kesahihan instrumen dengan menganalisis ketekalan jawapan dan keupayaan instrumen mengukur pembolehubah yang betul. Keempat, ia membantu penyelidik menyesuaikan prosedur kajian bagi meningkatkan keberkesanan



pelaksanaannya. Kelima, kajian rintis menganggarkan masa dan sumber yang diperlukan dalam kajian sebenar. Keenam, ia menilai daya tarikan dan kefahaman responden terhadap arahan kajian.

Pallant (2001) turut menyenaraikan enam tujuan penting kajian rintis. Pertama, menilai kebolehpercayaan soal selidik dari segi ketekalan jawapan dan kejelasan item. Kedua, menilai masa yang diperlukan oleh responden untuk melengkapkan soal selidik. Ketiga, mengenal pasti dan mengelakkan salah tafsir terhadap soalan kajian. Keempat, memastikan bahasa yang digunakan adalah mudah difahami dan sesuai dengan latar belakang responden. Kelima, menyusun soalan dalam urutan yang logik bagi memudahkan pemahaman. Keenam, memastikan data yang dikumpul boleh dianalisis secara kuantitatif, iaitu menghasilkan maklumat yang boleh diukur dan diproses. Secara keseluruhannya, kajian rintis membolehkan penyelidik memperhalusi instrumen, prosedur, dan strategi kajian agar kajian utama dapat dijalankan secara lebih cekap dan menghasilkan data yang sah serta boleh dipercayai.

Dalam rangka penyelidikan ini, penyelidik dengan teliti menjalankan kajian rintis terhadap sejumlah 30 orang guru agama di daerah Johor Bahru. Penting untuk dicatat bahawa responden dalam kajian rintis ini dipilih secara rawak dengan tujuan mendapatkan wakil yang setanding dengan sampel sebenar yang akan terlibat dalam kajian utama. 30 orang guru agama yang dipilih untuk kajian rintis ini diharapkan memiliki ciri-ciri yang serupa dengan sampel yang akan digunakan dalam kajian sebenar dan dapat memastikan bahawa hasil yang diperolehi dari kajian rintis dapat memberikan gambaran yang memadai tentang populasi yang lebih besar. Setelah proses pengumpulan data selesai, analisis terperinci dilakukan termasuk penggunaan nilai *Alfa Cronbachs* sebagai penanda aras instrumen kajian.

Dari hasil analisis tersebut, didapati bahawa nilai *Alfa Cronbachs* yang diperolehi sebesar 0.762 dari 30 responden. Kesimpulan ini diperkuat oleh pandangan Sekaran (1992) yang mengusulkan panduan untuk menilai kebolehpercayaan instrumen. Menurut panduan tersebut, nilai *Alfa Cronbachs* di antara 0.60 hingga 0.80 dapat diterima dan nilai 0.762 yang diperolehi dalam kajian rintis ini memenuhi kriteria tersebut. Dengan demikian, hasil kajian rintis ini memberikan keyakinan tambahan dalam menggunakan instrumen yang sama pada kajian sebenar dan dapat memastikan bahawa alat pengukuran yang digunakan memiliki tahap konsistensi yang memadai untuk menghasilkan data yang dapat dijangkakan. Langkah-langkah selanjutnya dalam penyelidikan ini akan melibatkan pengumpulan data yang lebih luas dan analisis lebih lanjut untuk mendapatkan kefahaman yang lebih mendalam tentang isu-isu yang terkandung dalam kajian.

4.7 Kaedah Pengumpulan Data

Dalam proses pengumpulan data, beberapa metode telah penyelidik gunakan supaya data yang diperolehi terjamin kesahihannya. Semua metode yang digunakan dirangka terlebih dahulu bagaimana cara-cara pelaksanaannya supaya setiap langkah yang diambil memberi kesan yang positif kepada penyelidik dan hasil data yang dikumpul itu sendiri. Metode yang digunakan oleh penyelidik ada dua iaitu yang pertama metode kaji selidik bertulis dan yang kedua metode kaji selidik lisan (rakaman bacaan al-Quran).

4.7.1 Peringkat Proses Pengumpulan Data Responden

Kepentingan mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak berwajib merupakan langkah beretika dan penting dalam menjalankan penyelidikan. Ini melibatkan proses mendapatkan persetujuan secara rasmi atau surat kebenaran sebelum mengumpul data. Terdapat beberapa langkah-langkah umum yang boleh diambil untuk mendapatkan kebenaran bertulis. Pertama adalah penyediaan surat permohonan, penyelidik perlu menyediakan surat permohonan yang jelas dan bermaklumat. Permohonan ini harus menerangkan tujuan, skop dan faedah penyelidikan dan memberi penekanan pada kerahsiaan dan penggunaan data secara beretika. Kedua adalah menghubungi pihak berkuasa, penyelidik perlu menghubungi pihak berkuasa yang berkaitan seperti Kementerian Pendidikan atau sekolah untuk meminta kebenaran atau kebenaran melibatkan guru agama dalam penyelidikan. Ketiga adalah menjelaskan kelebihan dan risiko, surat



permohonan hendaklah mengandungi penjelasan tentang faedah yang boleh diperolehi daripada penyelidikan ini serta memperincikan sebarang risiko yang mungkin timbul. Ini membantu membina kepercayaan dan persefahaman.

Keempat adalah penyediaan borang kelulusan, penyelidik boleh menyediakan borang kebenaran yang perlu dilengkapkan dan ditandatangani oleh setiap responden. Borang ini biasanya termasuk perkara mengenai persetujuan untuk penyelidikan, hak dan tanggungjawab responden dan cara data akan diuruskan. Kelima adalah menjelaskan hak peribadi dan keselamatan data, surat permohonan dan borang kebenaran perlu menerangkan secara terperinci bagaimana hak peribadi responden akan dilindungi dan bagaimana data yang dikumpul akan diurus dan disimpan dengan selamat. Keenam adalah memaklumkan mengenai kebebasan penyertaan, responden harus dijelaskan bahawa penyertaan dalam penyelidikan adalah secara sukarela dan mereka mempunyai hak untuk menarik diri tanpa sebarang akibat negatif. Ketujuh adalah penyelarasan dengan pihak berkuasa, penyelidik perlu menjalin kerjasama yang baik dengan pihak berkuasa dan mendapatkan kelulusan rasmi sebelum memulakan proses pengumpulan data. Kelapan adalah memastikan pematuan undang-undang. Memastikan proses mendapatkan kebenaran bertulis mematuhi peraturan dan undang-undang yang terpakai dalam bidang pendidikan dan penyelidikan. Dengan langkah ini, penyelidik boleh memastikan bahawa penyertaan responden berada dalam rangka kerja etika dan undang-undang yang sesuai dan bahawa data yang dikumpul boleh dipercayai dan diurus dengan baik.

4.7.1.1 Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Oleh Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor

Proses mendapatkan kebenaran bertulis untuk menjalankan siasatan ini telah dijalankan dengan penyelidik mengunjungi Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Pada 14 April 2019, penyelidik telah mengunjungi Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Tujuan lawatan itu adalah untuk memohon kebenaran bertulis bagi menjalankan penyelidikan terhadap guru agama di daerah Johor Bahru. Pada 17 April 2019, Timbalan Pengarah Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor telah mengeluarkan maklumat bertulis. Kebenaran bertulis diberikan kepada penyelidik untuk menjalankan penyelidikan yang berkenaan. Dengan menerimanya kebenaran bertulis itu, penyelidik telah mendapat kelulusan rasmi daripada pihak berkuasa untuk menjalankan penyelidikan terhadap guru agama di daerah Johor Bahru. Ini memastikan proses pengumpulan data dapat dijalankan secara beretika dan mengikut peraturan yang dikenakan.

4.7.2 Soal Selidik Bertulis

Penggunaan kaedah kuantitatif melalui soal selidik adalah pendekatan yang baik untuk mengumpul data demografik dan pandangan responden. Dengan menggunakan borang soal selidik yang telah disahkan oleh pakar dalam bidang, ini dapat meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahihan data yang dikumpul. Terdapat beberapa aspek yang diberi perhatian oleh penyelidik dalam proses ini. Pertama adalah demografik responden. Soalan berkaitan demografik responden seperti jantina, umur, tahap pendidikan, bidang pengajian dan tempoh perkhidmatan dapat memberikan gambaran yang menyeluruh tentang profil responden. Kedua adalah kesedaran terhadap kepentingan ilmu *ḍabṭ* al-Quran, soalan mengenai kesedaran responden tentang kepentingan ilmu *ḍabṭ* al-Quran dapat memberi gambaran tentang pandangan dan pemahaman mereka tentang kaitan dan kegunaan ilmu ini.

Ketiga adalah pengesahan dan kesahan soal selidik, adalah penting untuk memastikan borang soal selidik telah melalui proses pengesahan dan kesahan oleh pakar dalam bidang tersebut. Ini akan meningkatkan kualiti soalan dan keyakinan terhadap data yang diperolehi. Keempat adalah analisis data kuantitatif. Penyelidik akan menggunakan kemahiran dalam menganalisis data kuantitatif, termasuk penggunaan perisian statistik apabila perlu. Ini membolehkan penyelidik mengekstrak maklumat bermakna daripada data yang dikumpul. Kelima adalah keselamatan dan etika. Penyelidik memastikan soal selidik dan kaedah pengumpulan data mematuhi prinsip etika penyelidikan dan melindungi peribadi responden. Dengan mengambil kira semua aspek tersebut, penyelidikan dapat melaksanakan kajian kuantitatif yang berkesan bagi mengenal pasti faktor penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan responden.



4.7.3 Soal Selidik Lisan (Rakaman Bacaan Al-Quran)

Terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual tidak formal, temu bual terbuka dan temu bual formal (Michael Quinn Patton, 1980). Menurut Merriam (1998) pula terdapat tiga jenis temu bual iaitu temu bual tidak berstruktur, temu bual separa berstruktur dan temu bual berstruktur. Penyelidik akan menggunakan kaedah kuantitatif dalam penyelidikan ini iaitu temu bual bacaan al-Quran dengan responden dalam bentuk rakaman.

Dalam soal selidik temu bual ini, setiap responden akan memperdengarkan beberapa potongan ayat suci al-Quran kepada penyelidik dengan menggunakan petikan ayat al-Quran yang telah penyelidik sediakan. Setiap bacaan dari responden akan dirakamkan dalam bentuk audio sahaja dengan menggunakan alat rakaman yang bersesuaian. Setiap rakaman bacaan oleh responden akan dilabelkan supaya selari dengan soal selidik secara bertulis. Metode temu bual ini adalah penting sebagai menyokong metode soal selidik bertulis yang penyelidik jalankan. Pada persepsi peribadi penyelidik, maklum balas responden terhadap soal selidik bertulis tidak dapat dibuktikan sepenuhnya kerana dikhuatiri maklum balas tersebut tidak diberikan dengan telus. Justeru metode temu bual ini diadakan bagi menyokong metode soal selidik bertulis tersebut.

5.0 HASIL DAPATAN

Bab ini akan secara terperinci membincangkan hasil keputusan analisis data yang diperolehi dari penyelidikan ini. Sebanyak 230 set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden, yang mana kumpulan tersebut terdiri daripada guru-guru Sekolah Agama Kerajaan Negeri Johor di daerah Johor Bahru dengan gred DG29. Bagi mengumpulkan dan menganalisis data, perisian IBM *Statistics* SPSS telah digunakan, suatu alat analisis statistik terkemuka dalam bidang penyelidikan. Proses analisis data melibatkan kumpulan maklumat yang diperolehi dari responden dan hasilnya dikumpulkan dalam bentuk rajah untuk memberikan gambaran yang lebih terperinci. Analisis ini tidak hanya memfokuskan pada menentukan frekuensi, tetapi juga memasukkan peratusan untuk memahami dengan lebih mendalam corak dan trend yang muncul dari setiap jawapan. Dengan menggunakan kaedah analisis yang teliti, diharap dapat memberikan gambaran yang menyeluruh terhadap data yang dikumpul, membantu membentuk kesimpulan yang kukuh dan memberikan sumbangan penting dalam konteks kajian ini.

5.1 Latar Belakang Responden

Bagi mendapatkan data yang baik, latar belakang responden yang dikumpul hendaklah sesuai dengan tujuan penyelidikan ini dijalankan. Mereka yang telah dipilih sebagai responden adalah mereka yang berkelayakan terutamanya kelayakan dalam bidang pendidikan mereka. Justeru bahagian ini akan menghuraikan setiap maklumat yang terdapat dalam latar belakang responden ini. Latar belakang responden merupakan elemen penting dalam penyelidikan dan pemilihan responden yang sesuai dengan tujuan kajian adalah langkah asas untuk memastikan data yang diperolehi berkualiti. Dalam konteks ini, responden yang dipilih adalah mereka yang memiliki kelayakan yang relevan terutamanya dalam bidang pendidikan. Pengumpulan maklumat yang menyeluruh dalam latar belakang responden ini dapat memberikan pemahaman mendalam kepada penyelidik tentang profil dan kelayakan responden, memastikan data yang diperolehi relevan dengan tujuan penyelidikan *dabt* al-Quran dan penguasaan bacaan al-Quran di kalangan guru-guru agama di daerah Johor Bahru.

No. Item	Soalan	Lelaki	Perempuan
A1	Jantina	93	137
		40.4%	59.6%

**Rajah 5.0** Analisis jantina responden

Rajah 5.0 menggambarkan perbezaan jantina di kalangan guru-guru agama Negeri Johor berdasarkan item A1. Dapatan menunjukkan bahawa daripada jumlah responden sebanyak 230 orang, 93 orang atau 40.4% daripadanya adalah lelaki manakala 137 orang atau 59.6% adalah perempuan. Dengan kata lain, perbandingan jantina responden menunjukkan bahawa majoriti mereka yang terlibat dalam penyelidikan ini adalah perempuan. Fakta ini memberikan gambaran keseluruhan tentang komposisi jantina dalam populasi guru-guru agama di Negeri Johor yang menjadi subjek kajian. Analisis perbezaan ini dapat memberikan pandangan penting terhadap isu-isu dan keperluan yang mungkin berkaitan dengan jantina dalam konteks pengajaran dan pemahaman ilmu *dabt* al-Quran di kalangan guru-guru agama tersebut.

No. Item	Soalan	20-30	31-40	41-50	51-60	Lebih 61
A2	Umur	110	54	50	16	
		47.8%	23.5%	21.7%	7%	

Rajah 5.1 Analisis umur responden

Rajah 5.1 menyediakan perbezaan umur di kalangan responden yang terlibat dalam soal selidik ini yang bertujuan untuk mengetahui kelayakan umur mereka dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Analisis pada item A2 menunjukkan peredaran umur responden adalah sebagaimana berikut :-

- Responden berumur 20 hingga 30 tahun : 110 orang atau sekitar 47.8%
- Responden berumur 31 hingga 40 tahun : 54 orang atau sekitar 23.5%
- Responden berumur 41 hingga 50 tahun : 50 orang atau sekitar 21.7%
- Responden berumur 51 hingga 60 tahun : 16 orang atau sekitar 7%

Dari peredaran ini, dapat disimpulkan bahawa sebahagian besar responden berada di kumpulan usia 20 hingga 40 tahun dengan jumlah terbanyak yang terdapat pada kelompok berumur 20 hingga 30 tahun. Sementara itu, jumlah responden secara umum menurun seiring dengan peningkatan usia di mana kelompok berumur 41 hingga 60 tahun memiliki jumlah yang lebih kecil. Analisis demografik seperti ini dapat memberikan persepsi tambahan terkait dengan kriteria umur responden yang dapat berguna untuk merancang pendekatan atau strategi pengembangan yang sesuai dengan kelompok usia yang dominan di kalangan guru-guru agama yang terlibat dalam penelitian.

No. Item	Soalan	Dip. Peng. Islam	Dip. Pend. Islam	Ijazah Sarjana Muda	Master	PHD
A3	Tahap Pendidikan	67	84	75	3	1
		29.1%	36.5%	32.6%	1.3%	0.4%

Rajah 5.2 Analisis tahap pendidikan responden



Analisis tahap pendidikan responden dalam Rajah 5.2 menggambarkan variasi yang menarik dalam latar belakang pendidikan mereka. Pada peringkat awal, sebanyak 67 orang responden atau 29.1% memulakan perjalanan pendidikan mereka dengan memiliki Diploma Pengajian Islam. Ini mencerminkan adanya kelompok signifikan yang memilih bidang pendidikan awal dengan fokus pada pengajian Islam. Selanjutnya, terdapat 84 orang responden atau 36.5% yang memegang Diploma Pendidikan Islam. Hal ini menandakan bahwa sejumlah besar responden memilih untuk mendalami aspek pendidikan Islam setelah menyelesaikan peringkat pendidikan awal mereka. Keputusan ini mungkin mencerminkan minat dan komitmen mereka terhadap pengembangan kefahaman agama dalam konteks pendidikan.

Sementara itu, 75 orang responden atau 32.6% memiliki Ijazah Sarjana Muda, ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden memilih untuk mengejar pendidikan tinggi setelah menyelesaikan peringkat Diploma. Ijazah Sarjana Muda dapat dianggap sebagai tonggak penting dalam perkembangan pendidikan dengan fokus yang lebih luas dan mendalam. Peringkat selanjutnya iaitu Ijazah Sarjana dimiliki oleh 3 orang responden atau 1.3%. Walaupun jumlahnya kecil, peringkat ini mencerminkan komitmen responden untuk mencapai tahap pendidikan yang lebih tinggi dan mendalam dalam bidang pengajian yang mereka pilih. Sangat menarik untuk diberi perhatian bahawa terdapat 1 orang responden atau 0.4% yang mencapai peringkat tertinggi iaitu Doktor Falsafah. Hal ini menunjukkan bahawa memiliki gelaran doktor masih menjadi pencapaian yang relatif di antara responden. Kemungkinan, responden ini memiliki pengkhususan yang mendalam dan sumbangan yang signifikan dalam bidang pengajian mereka. Secara keseluruhan, analisis ini memberikan gambaran yang memberangsangkan tentang kepelbagaian pendidikan responden, menggambarkan perjalanan pendidikan mereka dari peringkat awal hingga pencapaian tertinggi.

No. Item	Soalan	Peng. Islam	Pend. Islam	Syariah Islamiah	Usuludin	Tahfiz	Bhs Arab	Lain-lain
A4	Bidang	71	92	18	5	5	11	28
		30.9%	40%	7.8%	2.2%	2.2%	4.8%	12.2%

Rajah 5.3 Analisis bidang pengajian responden

Rajah 5.3 memberikan gambaran yang jelas tentang kepelbagaian bidang pengajian yang diambil oleh responden, ini menunjukkan pengetahuan dan keahlian yang dimiliki oleh kelompok ini. Dengan memperhatikan perbezaan bidang pengajian, dapat dilihat bahawa setiap responden membawa sumbangan uniknya ke dalam penyelidikan ini. Sebanyak 71 orang responden atau 30.9% memiliki latar belakang dalam bidang Pengajian Islam. Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden memiliki fokus khusus pada kefahaman mendalam terhadap aspek-aspek kajian Islam yang mendasar. Bidang Pendidikan Islam juga ramai dengan 92 orang responden atau 40% mewujudkan lapisan tambahan dalam kumpulan responden yang mempunyai minat terhadap pendidikan dan pengajaran dalam konteks nilai-nilai Islam. Keterlibatan besar dalam bidang ini dapat memberikan persepsi yang berharga tentang bagaimana pendidikan Islam dilaksanakan dan difafsirkan oleh para guru.

Bidang Syariah Islamiah walaupun lebih khusus tetap memiliki 18 orang responden atau 7.8%. Ini menggambarkan ketertarikan responden terhadap hukum Islam dan peranannya dalam kehidupan seharian. Seterusnya bidang Usuluddin diikuti oleh 5 orang responden atau 2.2%, menunjukkan ketertarikan pada prinsip-prinsip ajaran Islam dan landasan falsafahnya. Bidang Tahfiz Al-Quran juga diikuti oleh jumlah yang sama, menunjukkan adanya responden yang terlibat secara mendalam dalam memahami dan menghafaz Al-Quran. Bidang Bahasa Arab memiliki 11 orang responden atau 4.8% mewujudkan hubungan penting antara keserjanaan dan linguistik dalam konteks Arab yang sememangnya dikaitkan dengan pemahaman teks agama. Terdapat juga sejumlah 28 orang responden atau 12.2% yang memilih bidang lain-lain, menandakan adanya kepelbagaian lebih lanjut dalam bidang pengajian yang mungkin tidak termasuk dalam kategori-kategori yang telah disediakan oleh penyelidik. Kepelbagaian ini boleh memberikan dimensi tambahan pada hasil penyelidikan, memperincikan sumbangan responden daripada pelbagai disiplin.



No. Item	Soalan	<2	2-5	6-10	11-15	16-20	>20
A5	Tempoh	69	46	35	23	25	32
		30%	20%	15.2%	10%	10.9%	13.9%

Rajah 5.4 Analisis tempoh perkhidmatan responden

Rajah 5.4 memberikan pandangan yang mendalam tentang pengalaman dan ketokohan responden dalam bidang pekerjaan mereka yang selari dengan tempoh perkhidmatan yang mereka miliki. Analisis terhadap perbezaan tempoh perkhidmatan ini tidak hanya menggambarkan lamanya tempoh perkhidmatan responden, tetapi juga memperlihatkan pengalaman terkumpul yang mungkin mempengaruhi kecekapan, integriti dan penguasaan ilmu agama mereka. Sebanyak 69 orang responden atau 30% memiliki pengalaman kurang dari 2 tahun. Walaupun jumlah ini agak tinggi, dapat dianggap bahwa kelompok ini mungkin merupakan mereka yang baru memasuki bidang pekerjaan. Dalam konteks ini, dapat dijangka bahawa mereka sedang mengalami tempoh pembelajaran dan penyesuaian awal dalam menjalankan tugas mereka. Sebanyak 46 orang responden atau 20% memiliki pengalaman 2 hingga 5 tahun. Kelompok ini mungkin telah mengalami tahap awal dalam kerjayanya dan dapat menunjukkan tahap kestabilan dan kefahaman yang lebih dalam terkait dengan tuntutan pekerjaan dan tugas agama mereka. Dengan 35 orang responden atau 15.2% yang memiliki pengalaman 6 hingga 10 tahun dapat dianggap bahawa mereka telah mencapai tahap kedewasaan dalam tugas dan tanggungjawab mereka. Pengalaman selama tempoh ini mungkin telah membentuk keahlian dan integriti yang lebih kukuh.

Responden dengan pengalaman 11 hingga 15 tahun yang berjumlah 23 orang atau 10% mungkin merupakan kelompok yang telah ada pengalaman yang banyak dalam bidang mereka. Pengalaman jangka panjang ini mungkin menggambarkan tahap komitmen dan dedikasi mereka dalam melaksanakan tugas-tugas keagamaan dan pekerjaan mereka. Sebanyak 25 orang responden atau 10.9% dengan pengalaman 16 hingga 20 tahun menunjukkan ketekunan yang luar biasa dalam pekerjaan mereka. Mereka mungkin telah menjadi teladan dan menyumbang secara signifikan kepada komuniti mereka. Kelompok dengan pengalaman lebih dari 20 tahun yang berjumlah 32 orang atau 13.9% mungkin adalah veteran dalam lapangan ini. Pengalaman mereka yang sangat panjang menggambarkan dedikasi dan kesetiaan mereka terhadap pekerjaan dan pengembangan ilmu agama.

5.2 Mengenalpasti Tahap Kesedaran Kepentingan Ilmu *Dabṭ* Al-Quran Terhadap Guru-Guru Agama Daerah Johor Bahru.

Dalam bahagian ini, enam item soalan dirancang dengan tujuan untuk menilai tahap kesedaran kepentingan ilmu *dabṭ* al-Quran di kalangan guru-guru agama daerah Johor Bahru. Setiap item soalan disusun dengan menggunakan borang soal selidik yang menyediakan lima skala penilaian iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, sederhana, setuju, dan sangat setuju. Untuk memudahkan analisis, penyelidik telah menentukan dua tahap untuk mewakili setiap skala jawapan. Pertama bagi skala sangat setuju dan setuju, kedua-duanya dikelompokkan sebagai tahap baik. Ini bermakna jika responden memberikan jawapan dalam kategori sangat setuju atau setuju, itu akan dianggap sebagai tingkat kesedaran yang positif terhadap kepentingan ilmu *dabṭ* al-Quran. Kedua, bagi skala sederhana, tidak setuju, dan sangat tidak setuju, ketiga-tiganya dianggap sebagai tahap lemah. Dengan kata lain, jika jawapan yang diberikan oleh responden termasuk dalam kategori sederhana, tidak setuju, atau sangat tidak setuju itu akan diertikan sebagai tahap kesedaran yang kurang positif terhadap kepentingan ilmu *dabṭ* al-Quran. Dengan menggunakan pendekatan ini, analisis data yang diperolehi dari soal selidik akan memberikan gambaran yang lebih terperinci tentang sejauh mana kesedaran guru-guru agama di daerah Johor Bahru terhadap pentingnya ilmu *dabṭ* al-Quran dalam konteks pendidikan agama.

	Soalan	Skala Kekerapan Dan Peratusan Responden	Min
--	--------	---	-----

No. Item		Lemah			Baik		
		STS	TS	SD	S	SS	
C1	Menguasai tanda-tanda dalam al-Quran menjadikan saya seronok apabila membaca al-Quran	1	-	2	29	198	4.83
		0.4%	-	0.9%	12.6%	86.1%	
		3 1.3%			227 98.7%		
C2	Menguasai tanda-tanda dalam al-Quran meningkatkan penguasaan tajwid saya.	1	-	1	29	199	4.84
		0.4%	-	0.4%	12.6%	86.5%	
		2 0.8%			228 99.1%		
C3	Tanda-tanda dalam al-Quran memudahkan saya untuk menghafaz al-Quran dengan baik.	1	-	10	24	195	4.79
		0.4%	-	4.3%	10.4%	84.8%	
		11 4.7%			219 95.2%		
C4	Saya bersedia mengeluarkan belanja untuk mendalami ilmu <i>Dabṭ</i> Al-Quran.	1	1	8	64	156	4.62
		0.4%	0.4%	3.5%	27.8%	67.8%	
		10 4.3%			220 95.6%		
C5	Sebagai seorang guru agama, saya mesti mahir menguasai tanda-tanda dalam al-Quran.	1	-	-	29	200	4.85
		0.4%	-	-	12.6%	87%	
		1 0.4%			229 99.6%		
C6	Penguasaan tanda-tanda dalam al-Quran meyakinkan saya untuk mengajar al-Quran kepada murid-murid.	1	-	1	26	202	4.86
		0.4%	-	0.4%	11.3%	87.8%	
		2 0.8%			228 99.2%		

Rajah 5.5

Analisis tahap kesedaran responden item C1 hingga C4

No. Item	Soalan	Min
1	Menguasai tanda-tanda dalam al-Quran menjadikan saya seronok apabila membaca al-Quran	4.83
2	Menguasai tanda-tanda dalam al-Quran meningkatkan penguasaan tajwid saya.	4.84
3	Tanda-tanda dalam al-Quran memudahkan saya untuk menghafaz al-Quran dengan baik.	4.79
4	Saya bersedia mengeluarkan belanja untuk mendalami ilmu <i>Dabṭ</i> Al-Quran.	4.62
5	Sebagai seorang guru agama, saya mesti mahir menguasai tanda-tanda dalam al-Quran.	4.85
6	Penguasaan tanda-tanda dalam al-Quran meyakinkan saya untuk mengajar al-Quran kepada murid-murid.	4.86
MIN KESELURUHAN		4.79



Rajah 5.6 Taburan min bagi keseluruhan tahap kesedaran responden

Dari rajah 5.6, dapat dilihat bahawa secara keseluruhan taburan min untuk mengenalpasti tahap kesedaran kepentingan ilmu *dabṭ* al-Quran terhadap guru-guru agama daerah Johor Bahru adalah tinggi dengan purata min sebesar 4.79. Merujuk pada rajah 4.6 di mana purata min yang melebihi 3.68 menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi, hasil tersebut menegaskan bahawa keseluruhan responden atau guru-guru agama daerah Johor Bahru memiliki tingkat kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan ilmu *dabṭ* al-Quran. Pentingnya kesedaran ini tergambar dari angka yang signifikan dan hal ini dapat dianggap sebagai hasil yang positif. Kesedaran yang tinggi terhadap ilmu *dabṭ* al-Quran dapat membantu memperkuat kefahaman guru-guru agama dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka terkait dengan pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Secara keseluruhan, analisis ini memberikan gambaran positif tentang tahap kesedaran guru-guru agama daerah Johor Bahru terhadap kepentingan ilmu *dabṭ* al-Quran dan hal ini dapat menjadi asas untuk pengembangan lebih lanjut dalam bidang ini.

5.3 Menenalpasti Tahap Penguasaan Bacaan Al-Quran Guru-Guru Agama Daerah Johor Bahru Berdasarkan *Dabṭ* Al-Quran.

Dalam bahagian ini, penyelidik telah menyediakan borang soal selidik yang mana di dalamnya mengandungi 12 petikan ayat al-Quran. Rajah analisis di bawah ini penyelidik telah menyusun semula hasilnya berdasarkan kategori-kategori bacaan mengikut tanda-tanda dalam al-Quran. Keseluruhannya menjadikan 18 kategori perkataan dengan mengikut tanda-tanda al-Quran yang sepatutnya.

No. Item	Soalan	Min
1	لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى - Bacaan <i>waqaf ta'ānuq</i>	1.97
2	وَأَذْكُرُوا إِذْ - Bacaan <i>mad Jāiz munfaṣil</i>	1.91
3	بَصْطَةً - Bacaan dengan huruf <i>sīn</i>	1.36
4	رَحْمَةً وَأُولَئِكَ - Bacaan dengan <i>waṣal awla</i>	1.86
5	مُعْجِزَى اللَّهِ وَأَنَّ - Bacaan <i>waqaf mamnū'</i>	1.95
6	مَجْرُهَا - Bacaan <i>imālah</i>	2.00
7	قَوْلُهُمْ إِنَّا نَعْلَمُ - Bacaan <i>waqaf lāzim</i>	1.97
8	قُرْءَانًا أَعْجَمِيًّا - Bacaan <i>izhār halqī (tanwīn al-Tarkīb)</i>	1.94

9	ءَاعَجَمِيّ - Bacaan <i>tashīl</i>	2.00
10	السُّفَهَاءُ إِلَّا إِنْتُمْ - Bacaan <i>waqaf awla</i>	1.89
11	وَأَكْوَابٍ كَانَتْ - Bacaan <i>ikhfā' haqiqī (tanwīn al-Itbā')</i>	1.94
12	قَوَارِيرًا - Bacaan <i>ṣifr mustatīl</i>	1.97
13	قَوَارِيرًا - Bacaan <i>ṣifr mustadīr</i>	1.96
14	أَتَحَاجُّونَنَا - Bacaan <i>mad lāzim muthaqqal</i>	1.94
15	بَلَّ رَانَ - Bacaan <i>saktah</i>	1.93
16	حَيْرًا الْوَصِيَّةُ - Bacaan <i>iltiqā' al-Sākinayn</i>	1.91
17	ءَالَيْنَ - Bacaan <i>mad lāzim mukhaffaf</i>	1.65
18	الْمُصَيِّرُونَ - Bacaan <i>awla bi ṣād</i>	1.61
Min Keseluruhan		1.87

Rajah 5.7 Taburan min bagi keseluruhan tahap penguasaan responden

Berdasarkan hasil kajian pada rajah 5.7, dapat disimpulkan bahawa tahap penguasaan bacaan al-Quran guru agama daerah Johor Bahru berdasarkan *ḍabt* al-Quran berada pada tahap yang tinggi. Hal ini dapat dilihat dari purata min keseluruhan bagi persoalan kajian yang mencapai 1.87. Menurut kriteria yang terdapat pada Rajah 4.8, min yang melebihi 1.67 dianggap sebagai min yang berada pada tahap yang tinggi. Sebagai catatan tambahan, hasil ini menggambarkan bahawa responden secara keseluruhan memiliki penguasaan yang baik terhadap bacaan al-Quran khususnya dalam konteks *ḍabt* al-Quran. Purata min yang tinggi menandakan konsisten tahap kefahaman dan penguasaan di antara responden terhadap pelbagai tanda bacaan al-Quran yang dianalisis dalam penyelidikan ini.

Hasil ini dapat dianggap sebagai pencapaian positif dan menggambarkan kualiti pendidikan agama di daerah Johor Bahru. Namun, walaupun secara umum penguasaan tinggi, masih ada beberapa responden yang mungkin memerlukan perhatian lebih khusus terutamanya pada aspek-aspek tertentu yang mungkin menjadi cabaran. Penting untuk terus memantau dan menyokong pengembangan keterampilan bacaan al-Quran di kalangan guru-guru agama, termasuk melalui pelatihan tambahan, bahan ajar yang lebih mendalam atau pengembangan program pembelajaran



yang lebih spesifik. Dengan demikian, dapat dijaga dan ditingkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran agama di lokasi tersebut.

6.0 KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian ini menggambarkan maklum balas yang sangat positif daripada semua responden yang terlibat dalam penyelidikan. Mereka bukan sahaja memahami dengan baik setiap persoalan dan realiti dalam persoalan kajian, tetapi juga memberikan maklum balas yang menyokong tahap penguasaan bacaan al-Quran. Kesimpulan ini menggambarkan kejayaan pencapaian objektif kajian, serta kesesuaian dan kesahan soal selidik yang digunakan. Dengan mencari tahap penguasaan bacaan al-Quran yang baik, hasil kajian ini memberi gambaran yang positif tentang kefahaman dan amalan *dabt* al-Quran dalam kalangan guru agama di daerah Johor Bahru ini.

Pemahaman ini menggambarkan kerumitan penguasaan bacaan al-Quran yang bukan sahaja dipengaruhi oleh aspek intelek tetapi juga faktor psikologi dan sosial. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian ini memberi sumbangan penting dalam memahami konteks penguasaan bacaan al-Quran dan menyediakan asas yang kukuh untuk pembangunan strategi dan tindakan yang lebih berkesan dalam meningkatkan kefahaman dan kecekapan pembacaan al-Quran berdasarkan *dabt* al-Quran dalam kalangan guru agama.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penyelidik tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian.

RUJUKAN

- Ali Muhammad Al-Dabba'. (1999). *Samir Al-Talibin Fi Rasm Wa Dabt Al-Kitab Al-Mubin*. Mesir: Abdul Hamid Ahmad Hanafi.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. Edisi Kedua. Selangor. Mc Graw Hill Education
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. Edisi Kedua. Selangor. Mc Graw Hill Education
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Penyelidikan*. Buku 1. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Education
- Fauziah Ibrahim, Khadijah Alavi, & Nazirah Hassan. (2019). *Penulisan Tesis Kajian Kualitatif Dan Kuantitatif*. Bangi: UKM Press.
- Marican, S. (2006). *Penyelidikan Sains Sosial Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves: Edusystem Sdn. Bhd.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Rahim Jusoh, Siti Zainab Suboh. (2018). *Dabt Al-Quran Inovasi Rasm Al-Uthmāni*, Pustaka Khodim Al-Mushaf, Batu Caves.
- Mok Soon Sang. (2010). *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*, . Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Merriam. (1998). *Qualitative Research And Case Study Applications In Education*. San Francisco: Jossey - Bass.
- Nur Fadilah Amin, Sabaruddin Garancang & Kamaluddin Abunawas. (2023). *Konsep Umum Populasi Dan Sampel Dalam Penelitian*. Jurnal Pilar, Jurnal Kajian Islam Kontemporari.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Othman Talib. (2018). *SPSS Analisis Data Kuantitatif Untuk Penyelidik Muda*. Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Publication Sdn. Bhd..
- Pallant, J. (2001). *SPSS Survival Manual – A Step By Step Guide To Data Analysis Using SPSS For Windows*. Buckingham. Open University Press.
- Piaw, C. Y. (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan: kaedah penyelidikan*. Shah Alam: McGraw-Hill Education.



- Rafedah Mohd Said. (2014). *Tahap Penguasaan Dhobt (Penandaan) Al-Quran Terhadap Guru Pelatih Diploma Pendidikan Islam (DPI) : kajian Di Johor Bahru*. (Sarjana Pengajian Islam), Melaka, Open Universiti Malaysia.
- Rensist Likert. (1932). *A Technique For The Measurement Of Attitudes*. New York. New York University.
- Robert V. Krejcie et al. (1970). *Determining Sample Size For Research Activities*. Educational And Psychological Measurement.
- Rozmi Ismail. (2022). *Metodologi Penyelidikan*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Surul Shahbudin Hassan, & Muhammad Azhar Zailaini. (2015). *Bentuk-Bentuk Kesalahan Bacaan Al-Quran Pelajar Di Sebuah IPTA*. Journal of Islamic Education, 3(2).
- Sekaran. (1992). *Research Methods For Business : A Skill Building Approach*. New York. Wiley & Son Inc.
- Michael Quinn Patton. (1980). *Qualitative Evaluation Methods*. Beverly Hills: Sage Publications.
- Wallace, D. L., Van Fleet, & CJ. (2012). *Knowledge Into Action : Research And Evaluation In Library And Information Science*. Santa Barbara: Libraries Unlimited.
- Yusof, H., Yunus, J. N., & Musa, K. (2014). *Kaedah Penyelidikan Pengurusan Pendidikan*. Tanjong Malim, Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.